

**PERANAN MASJID NURUL YAQIN SEBAGAI WADAH PEMUPUKAN
SEMANGAT KEJIRANAN DI KAMPUNG MELAYU SERI KUNDANG
47000,SUNGAI BULOH**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peranan masjid sebagai wadah pemupukan semangat kejiwaan pada bulan ramadan di masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang , Selangor Darul Ehsan . Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti aktiviti dan mengkaji kesan aktiviti Masjid terhadap pemupukan semangat kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang , Selangor Darul Ehsan . Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada ahli jawatankuasa Masjid . Kaedah kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah kaedah temu bual , soal selidik dan pemerhatian . Data kajian di analisis secara kuantitatif dan kualitatif dan dipersembahkan dalam bentuk linear serta jadual , graf serta kaedah kajian . Daripada dapatan kajian yang dilakukan didapati bahawa faktor utama yang menyebabkan ahli jawatankuasa masjid mengadakan pelbagai aktiviti untuk penduduk Kampung Melayu Seri Kundang adalah untuk memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan penduduk , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang. Aktiviti yang diadakan dapat memberi kesan yang positif kepada penduduk Kampung Melayu Seri Kundang yang terlibat dalam menjayakan aktiviti masjid tersebut .

SENARAI ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Abstrak	
2	Kandungan	
3	Penghargaan	
4	1.0 Pengenalan	
5	2.0 Objektif Kajian	
6	3.0 Lokasi Kajian 3.1 Peta Daerah Sungai Buloh 3.2 Peta Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang	
7	4.0 Metodologi Kajian 4.5 Cara Pengumpulan Data 4.6 Cara analisis Data	
8	5.0 Dapatan Kajian 5.1 Demografi Responden 5.2 Analisis Data : Mengenal pasti aktiviti oleh Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang 5.3 Analisis Data : Kesan – kesan aktiviti Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang 5.4 Analisis Data : Temu Bual	
9	6.0 Rumusan	
10	7.0 Rujukan	
11	8.0 Lampiran	

--	--	--

PENGHARGAAN

Saya Muahmmad Haziq Aiman Bin Abdullah pelajar tingkatan enam SMK Bukit Gading ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pentadbir SMK Bukit Gading , Sungai Buloh khususnya kepada (^) selaku penolong Kanan SMK Bukit Gading kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kerja kursus ini .

Sepanjang tempoh pelaksanaan kerja kursus ini , saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada (^) selaku guru Pengajian Am saya . Beliau telah membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang pelaksanaan kerja kursus ini . Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa masjid untuk melaksanakan kerja kursus ini

Seterusnya , terima kasih kepada ibu saya Puan Hasmah Binti Omar @ Abdul Aziz yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada saya dari agar sentiasa bersemangat dan tidak berputus asa dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar .

Akhir kata , setulus ikhlas ucapan terima kasih kepada pihak yang telah membantu saya dalam menjayakan kerja kursus ini .

Yang benar,

(.....)

(MUHAMMAD HAZIQ AIMAN BIN ABDULLAH)

1.0 PENGENALAN

Masjid ialah tempat beribadat yang khusus, seperti [solat](#) dan iktikaf, bagi orang [Islam](#). Bangunan ini juga merupakan pusat [kebudayaan](#), muamalat dan perkembangan [dakwah](#) Islamiah, serta pusat aktiviti umat [Islam](#). Masjid tidak mempunyai rupa bentuk yang tetap, tetapi bergantung kepada budaya masyarakat Islam setempat. Dari sudut bahasa, "masjid" bermaksud tempat bersujud.

Kampung Melayu Seri kundang merupakan salah satu kawasan yang kecil berbanding yang lain berdekatan dengan Kampung Melayu Seri kundang seperti blok A, B, C, D. Kawasan ini terdapat jurang pendapatan yang berbeza akan tetapi surau telah memainkan peranan yang besar untuk mereka mengerahkan wadah kejiwaan mereka antara satu sama lain. Masjid Nurul Yaqin telah memberikan impak yang besar dalam wadah kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang.

Aktiviti yang terdapat Masjid Nurul Yaqin, Kampung Melayu Seri kundang, adalah seperti solat fardhu berjemaah, Solat jumaat setiap hari jumaat, Ceramah oleh Ustaz-ustaz ternama dan lain-lain aktiviti yang bercorakkan kemasayrakan dan kejiwaan. Pada bulan Ramadhan Masjid Nurul Yaqin telah mengimarahkan bulan Ramadhan dengan lebih banyak aktiviti yang mengimarahkan bulan yang mulia Ramadhan. Sebagai contoh Solat Tarawih 8 rakaat secara berjemaah, berbuka beramai-ramai, kuliah Ramadhan yang didatangi oleh ustaz-ustaz yang ternama, Moreh dan pelbagai aktiviti yang lain untuk mengimarahkan bulan yang mulia ini.

Rasional kajian ini dilaksanakan oleh saya adalah untuk mengetahui Masjid Nurul Yaqin sebagai wadah permupukan semangat kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang. Saya ingin mengetahui aktiviti-aktiviti yang terdapat di Masjid Nurul Yaqin untuk memupuk wadah semangat kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang. Selain daripada bulan Ramadhan yang mulia terdapat juga sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Nuzul Quran, Maulidul Rasul, Awal Muharam dan lain-lain untuk mengimarahkan wadah kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti aktiviti masjid di Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang , Selangor Darul Ehsan
- 2) Mengkaji kesan aktiviti Masjid terhadap pemupukan semangat kejiwaan di Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang , Selangor Darul Ehsan

3.0 LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang , Selangor Darul Ehsan , Malaysia

Peta Negeri Selangor



Peta:Negeri Selangor

Sumber:www.visitselangor.com

Peta diatas menunjukkan kawasan negeri yang hendak dikaji iaitu Negeri Selangor.Negeri Selangor mempunyai 9 daerah didalamnya iaitu Daerah Gombak,Daerah Klang,Daerah Petaling,Daerah Klang,Daerah Kuala Langat,Daerah Kuala Selangor,Daerah Hulu Langat,Daerah Sepang,Daerah Sabak Bernam dan Daerah Hulu Selangor.Negeri Selangor merupakan salah satu daripada 13 buah negeri yang terdapat di Malaysia dan merupakan negeri ynag terkaya di dalam Malaysia.Keluasan Negeri Selangor ialah berkeluasan 8104km dan mempunyai populasi sebanyak 699423 dan merupakan negeri yang mempunyai jumlah penduduk yang paling banyak di Malaysia.

4.0 METODOTOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Menurut Sabitah Marcan (2009) dan Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali (2014) metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu mengikut disiplin yang teratur. Tujuannya adalah untuk menghasilkan kajian yang baik. Oleh itu, pengkaji sedaya upaya memanfaatkan teori penyelidikan tersebut dalam pnghasilan projek ini.

Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, Batasan kajian, instrument kajian dan prosedur analisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal. Selain itu, metodologi kajian juga boleh digunakan untuk memastikan objektik kajian dapat dicapai berdasarkan data sah yang boleh dicapai.

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan berbentuk deskriptif. Kajian tinjauan merupakan satu rangka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data. Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti kekerapan pelajar pelajar T6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gading yang mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan dan mengkaji kajiannya.

4.2 Instrumen Kajian

Intrumen ialah proses menyediakan alat pengumpulan dan menerusi konsep berkaitan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang.

Jadual 1 : Kaedah instrument kajian

KAEDAH	INSTRUMEN
Kuantitatif	Borang soal selidik dan temu bual
Kualitatif	Rujukan

4.2.1 Soal Selidik

Instrumen soal selidik ialah alat pengukur y popular dalam kajian tinjauan. Borang soal selidik ini menggunakan perinsian Google Form dan mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A demografi responden, bahagian B objektif 1 dan bahagian 2 objektif 3 dengan menggunakan skala likert 3 aras.

4.2.2 Temu Bual

Instrument temu bual mempunyai dua peringkat iaitu secara formal dan tidak formal. Kaedah temu bual ini boleh digunakan secara bersemuka , tidak bersemuka dan batuan komputer . kaedah yang pengkaji gunakan adalah secara tidak formal iaitu secara bersemuka yang melibatkan penduduk Kampung Melayu Seri Kundang. Pengkaji menjalankan esei temu bual dalam keadaan selesa dan pengkaji juga mendengar dengan teliti , di samping itu pengkaji telah mengajukan pelbagai soalan dengan tepat dan jitu. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa persoalan bagi menjawab objektif kajian ini.

4.2.3 Rujukan

Intrumen rujukan utama yang pengkaji daripada sumber internet yang berkaitan dengan aktiviti kokurikulum dan kepentingannya kepada para pelajar di setiap sekolah. Sumber rujukan adalah penting untuk melihat hasil dapatan terdahulu.

4.3 Sampel Kajian

Persampelan ialah kumpulan manusia, institusi tempat atau fenomena yang menjadi sumber informasi yang diperlukan oleh pengkaji. Pemilihan sampel kajian tinjauan adalah secara rawak daripada sesuatu populasi yang dikenal pasti responden kajian ini terdiri daripada 30 orang penduduk Kampung Melayu Seri Kundang. Mereka terdiri daripada penduduk Kampung Melayu Seri Kundang yang dalam lingkungan 15 hingga 60 tahun. Setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang penduduk Kampung Melayu Seri Kundang dan diberikan secara Google Form untuk memudahkan untuk memperoleh data yang lebih tepat. Dalam penggunaan kaedah secara kuantitatif pula, seramai 2 orang akan dipilih untuk ditemu bual .

4.4. Cara Pengumpulan Data

Data dan maklumat kajian ini dikumpulkan menggunakan pelbagai cara seperti dokumentasi, borang soal selidik, temu bual dan borang pemerhatian

4.4.1 Rujukan

Kajian ini dimulakan dengan kajian terhadap bahan-bahan bertulis yang telah diterbitkan seperti sumber internet dan kaedah temu bual bagi mendapat maklumat berkenaan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

4.4.2 Soal Selidik

Melalui borang selidik, pengkaji telah mendapatkan dan mengumpul maklumat yang tepat dan betul berdasarkan obejktif kajian. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A yang terdiri daripada soalan berkaitan demografi, bahagian B pun adalah soalan berkaitan aktiviti yang dijalankan di Masjid Nurul Yaqin di Kampung Melayu Seri Kundang manakala bahagian C adalah soalan mengenai impak positif dalam aktiviti yang dijalankan di Masjid Nurul Yaqin di Kampung Melayu Seri Kundang. Kajian ini menggunakan skala likert tiga aras iaitu sangat setuju , setuju dan kurang setuju. Google form ini dihantar kepada penduduk Kampung Melayj Seri Kundang bagi mendapatkan respon penduduk.

4.4.3 Temu Bual

Pengkaji menemu bual 2 orang warga penduduk Kampung Melayu Seri Kundang. Pengkaji menyediakan borang temu bual yang mengandungi 4 soalan berstruktur. Tujuan utama temu bual ini adalah untuk mengetahui impak positif dalam melaksanakan aktiviti bagi memupuk semangat kejiwaan di Masjid Nurul Yaqin. Pengkaji mengadakan sesi temu bual bersama dengan warga Kampung Melayu.


4.5 Cara Analisis Data

Pada peringkat akhir kajian ini, analisis secara deskriptif telah dijalankan untuk menganalisis data yang diperoleh daripada soal selidik dan penilaian untuk menganalisis data yang diperoleh daripada soal selidik dan penilaian untuk menghasilkan laporan kajian. Data yang telah diperoleh daripada analisis ini menggunakan kekerapan, peratusan, jadual, graf dan carta. Selain itu, pengkaji juga menganalisis data bagi pernyataan yang menggunakan skala likert 3 aras seperti berikut

SKALA	TANDA (/)
Sangat setuju	
Setuju	
Kurang setuju	

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Demografi Responden




Carta 1 : Demografi Responden Mengikut Umur

Sumber : Soal selidik


Carta 1 menunjukkan demografi responden mengikut peringkat umur bagi penduduk di Kampung Melayu Seri Kundang iaitu dari lingkungan umur 15 hingga 20 tahun, 21 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun, 41 hingga 50 dan ke atas. Kajian ini menunjukkan seramai orang penduduk di sekitar Kampung Melayu Seri Kundang yang berumur 15 hingga 20 tahun iaitu bersamaan dengan 67.7% dan seramai orang penduduk berumur 21 hingga 30 tahun iaitu bersamaan 16.1%. Seterusnya, penduduk yang berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun

Jantina Penduduk



■ 1st Qtr ■ 2nd Qtr ■ 3rd Qtr ■ 4th Qtr

5.2 Mengenal pasti aktiviti yang dilakukan oleh Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang untuk



Graf 1 : Mengenal pasti aktiviti yang dilakukan oleh Masjid Nurul Yaqin, Kampung Melayu Seri Kundang, 48050, Rawang.

Graf 1 adalah untuk mengenal pasti aktiviti yang dilakukan oleh Masjid Nurul Yaqin untuk memupuk semangat kejiwaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 1 iaitu Majlis Akad Nikah. Seramai 30 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan dengan 100 %. Manakala tiada responden yang memilih kategori setuju dan tidak setuju di mana masing-masing bersamaan dengan 0 %. Skala likert bagi soalan 1 ialah 3.00 iaitu sangat setuju. Menurut sumber dari Internet, perbuatan akad nikah adalah untuk menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Hal ini juga adalah untuk membina generasi yang seimbang pada masa akan datang.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kedua yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 2 iaitu Majlis Akikah . Seramai 30 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan dengan 100 % . Manakala tiada responden yang memilih kategori setuju dan tidak setuju di mana masing-masing bersamaan 0 % . Skala likert bagi soalan 2 ialah 3.00 iaitu sangat setuju. Menurut sumber internet , perbuatan akikah ialah penyembelihan haiwan ternakan yang dilakukan untuk anak yang baru lahir sebagai tanda bersyukur kepada ALLAH.


Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti ketiga yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 3 iaitu Majlis Sambutan Perayaan. Seramai 29 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 96.67 %. Manakala tiada responden bagi kurang setuju dan seramai 1 orang telah memilih kategori tidak setuju yang bersamaan 3.33 %. Skala likert bagi soalan 3 ialah 2.93 iaitu sangat setuju. Menurut sumber Internet, sambutan perayaan ini ialah bermaksud hari kebebasan. Lazimnya, hari perayaan merujuk kepada hari yang ditentukan suatu kerajaan atau kumpulan agama sebagai hari yang bermakna kepada mereka.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti keempat yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 4 iaitu Majlis Perkahwinan. Seramai 23 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 76.67 % manakala 5 orang responden telah memilih kategori setuju yang bersamaan 83.33 % dan 2 orang responden telah memilih kategori kurang setuju yang bersamaan 6.67 %. Skala likert bagi soalan 4 ialah 2.70 iaitu sangat setuju. Menurut sumber Internet, Perkahwinan ialah hubungan terikat anantara dua orang yang diiktiraf oleh pihak berkuasa sivil dan diikat oleh kepercayaan agama peserta.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kelima yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 5 iaitu Majlis Tahunan. Seramai 22 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 73.33 % manakala 7 orang telah memilih kategori setuju yang bersamaan 23.33 % dan 1 orang telah memilih kategori kurang setuju yang bersamaan 3.33 %. Skala likert bagi soalan 5 ialah 2.70 % iaitu sangat setuju.

Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti keenam yang paling banyak dilakukan di masjid tersebut ialah soalan 6 iaitu Majlis Ulang tahun. Seramai 11 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 36.67 % manakala 10 orang telah memilih kategori setuju yang bersamaan 33.33 dan 8 orang telah memilih kategori kurang setuju yang bersamaan 26.67. Skala likert bagi soalan 6 ialah 2.03 iaitu setuju.

5.3 Kesan – kesan Positif Terhadap Penggunaan Masjid Nurul Yaqin , Kampung Melayu Seri kundang, 48050 , Rawang



Graf 2 : Kesan – kesan positif terhadap Penggunaan Masjid Nurul Yaqin, Kampung Melayu Seri Kundang.

Graf 2 menunjukkan kesan – kesan positif terhadap Penggunaan Masjid Nurul Yaqin, Kampung Melayu Seri Kundang. Kajian dapatan menunjukkan bahawa kesan yang memberi impak paling positif ialah soalan 1 iaitu Mengukuhkan Hubungan Silaturahmi. Seramai 30 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan dengan 100 % manakala tiada responden yang memilih kategori setuju dan kurang setuju di mana masing-masing bersamaan 0 % . Skala likert bagi soalan soalan 1 ialah 3.0 iaitu sangat setuju.

Selain itu, dapatan kajian bagi soalan 2 iaitu Menanam Sifat Hormat-menghormati antara golongan muda dan tua. Seramai 30 orang responden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 100 % manakala tiada responden telah memilih kategori setuju dan kurang setuju di mana masing-masing bersamaan 0% . Skala likert bagi soalan 2 ialah 3.0 iaitu sangat setuju.

Penduduk. Seramai 29 orang respoden telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 96.67 % manakala seramai seorang telah memilih kategori setuju yang bersamaan 3.33 dan tiada responden bagi kategori kurang setuju yang bersamaan 0 % . Skala likert bagi soalan 3 ialah 2.97 iaitu sangat setuju.

Seterusnya, dapatan kajian bagi soalan 4 iaitu Mengurangkan Golongan Anti-sosial menerima responden sebanyak 27 orang yang bersamaan dengan 90% bagi kategori sangat setuju manakala sebanyak 2 orang responden yang bersamaan 6.67% bagi kategori setuju dan 1 orang responden yang bersamaan dengan 3.3% telah memilih kategori tidak setuju. Skala likert bagi soalan 4 ialah 2.87 iaitu sangat setuju.

Selain itu, dapatan kajian bagi soalan 5 iaitu Mengerat Perpaduan Kaum. Seramai 27 orang responden yang telah memilih kategori sangat setuju yang bersamaan dengan 90.00 % manakala 3 orang telah memilih kategori setuju yang bersamaan 10.00 % dan tiada responden yang memilih kategori kurang setuju yang bersamaan 0 % . Skala likert bagi soalan 5 ialah 2.9 % iaitu sangat setuju.

Akhir sekali , dapatan kajian bagi soalan 6 iaitu memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak untuk bersosial menerima seramai 27 orang responden yang memilih kategori sangat setuju yang bersamaan 90.00 % manakala 2 orang responden telah memilih kategori setuju yang bersamaan 6.67 % dan seramai 1 orang telah memilih kategori kurang setuju yang bersamaan 3.33 % . Skala likert bagi soalan 6 ialah 2.867 % .